



ZIARAH KUBUR HUKUM DAN ISU : TINJAUAN DARI SUDUT MAQASID

Irnee Narisha Binti Yoon, Nur Hazima Binti Abdul Rani, Intan Sorfina Binti Mustaffa, Anissa Ilyana Binti Mohd Zulkupli, Nur Izzati Mardhiah Binti Abdul Rahman & Wan Mohd Yusof Bin Wan Chik*
zzatimardhiah04@gmail.com

Fakulti Kotemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

ABSTRAK

Ziarah kubur merupakan suatu amalan yang dilakukan oleh masyarakat tanpa mengira bangsa dan kaum. Ia turut dibenarkan dalam Islam selagi ia selari dengan garis panduan syarak. Amalan menziarahi kubur dituntut dalam Islam kerana dapat memberi peringatan kepada ummah tentang kematian yang akan membawa keinsafan serta muhasabah diri. Di samping itu, ia tanda mengenang jasa ibu-bapa dan mereka yang telah pergi. Kertas kerja ini bertujuan untuk mengkaji hukum dan isu-isu menziarahi kubur melalui tinjauan dari sudut Maqasid Syariah. Pengumpulan data dilakukan dengan menganalisis dokumen berkaitan dengan hukum dan isu-isu ziarah kubur. Kajian ini mendapati bahawa amalan menziarahi memanglah dituntut dalam Syariat Islam. Begitu pun, ia perlu dibuat berdasarkan garis panduan tertentu supaya tidak timbul aspek khurafat, bidaah dan sebagainya. Antara hikmah di sebalik pensyariatannya adalah untuk mengingatkan manusia tentang kematian, konsep muhasabah diri, menghilangkan cinta dunia dan mengenang jasa golongan yang telah pergi. Hikmah-hikmah ternyata dapat dikesan dari isu-isu hukum di sebaliknya. Pendedahan Maqasid Syariah dalam isu ini amat penting supaya hukum-hukum disebaliknya dapat dihayati secara maksima.

Kata Kunci : Ziarah Kubur, Hukum, Maqasid, Masyarakat, Islam

PENGENALAN

Menziarahi kubur merupakan amalan yang tidak asing lagi. Persoalan tentang kematian dan jenazah ini merupakan perkara penting dalam agama Islam. Sesungguhnya, pengurusan jenazah ini adalah Fardhu Kifayah. Kefahaman masyarakat mengenai amalan menziarahi kubur ini mestilah dijelaskan dengan betul supaya tidak timbulnya kekeliruan dan fahaman yang bercampur aduk. Sebagai penganut beragama Islam, penyelidik berasa terpenggil untuk memilih tajuk tersebut sebagai kajian kami kerana ia berkait rapat dengan akidah seseorang Islam di seluruh dunia. Pemilihan tajuk kajian dibuat adalah untuk mengenal pasti sejauh mana amalan-amalan yang menjadi turun temurun dari nenek moyang kita tentang isu ziarah kubur serta hukum-hukum Islam yang jelas dalam al-Quran, al-Hadis serta ijmak ulama'.

Ini kerana ada sesetengah amalan yang mungkin membawa kebaikan tetapi ada juga amalan yang menjurus kepada kurafat atau bidaah. Ia menjadi satu kewajipan untuk menyelamatkan akidah seseorang muslim yang lain. Kajian ini merupakan penyelidikan kualitatif yang lebih memfokuskan kepada pemahaman hukum-hakam dalam sesuatu isu yang berkaitan dengan amalan menziarahi kubur oleh masyarakat Islam seisi dunia.

Menurut pendapat yang sahih, amalan menziarahi kubur adalah sunat dan amat digalakkan untuk kita bagi mengingatkan kita akan kematian dan hari akhirat. Namun demikian, suatu ketika dahulu Rasulullah SAW pernah melarang para sahabat untuk menziarahi kubur. Tetapi tidak lama kemudian, Rasulullah SAW mengizinkan kembali dan menyuruh para sahabat untuk pergi menziarah.

“Adalah aku dahulu melarang kamu menziarahi kubur, maka ziarahlah”.

(Riwayat Muslim)

Seseorang individu muslim perlu memahami akan tujuan sebenar menziarahi kubur yang disarankan oleh Rasulullah. Bukan untuk bermegah dengan kubur siapa yang paling hebat tetapi tujuan asal menziarahi kubur adalah untuk mengingati kematian. Jami' at-Tirmizi di dalam kitabnya, al-Janaiz, bab *Ma Jaa Fi ar-Rukhsah Fi Ziarah al-Qubur*, al-Hadis no: 1054 menerangkan bahawa :

“Sesungguhnya ia (menziarahi kubur) akan mengingatkan diri kepada kematian”

(Hasan Sahih)

Sesungguhnya kubur merupakan tempat yang paling utama berbanding tempat-tempat di akhirat. Maka seandainya selamat akan seseorang daripadanya, maka yang akan berlaku sesudah itu mudah baginya. Tetapi sekiranya tidak selamat akan seseorang di alam kubur maka yang terjadi selepasnya lebih buruk daripadanya. Imam al-Ghazali ada menjelaskan bahawa akhlak merupakan gambaran tentang keadaan yang terdapat di dalam diri individu. Kesucian akhlak sedikit sebanyak dalam menyelamatkan akidah seseorang. Kerana itu wajar diterapkan akhlak yang baik serta nilai-nilai Islam kepada kanak-kanak pada usia yang muda lagi agar mereka dapat membentuk akidah dan jati

diri yang unggul sejajar dengan meningkatnya usia mereka. Hal ini bertujuan supaya mereka tidak akan terpesong dalam amalan-amalan turun temurun nenek moyang mereka di dalam isu-isu yang berbangkit seperti kunjungan wanita yang kedatangan haid ke tanah perkuburan, ketetapan waktu dalam menziarahi kubur sebagai contoh pada bulan Syawal, perbuatan menghias dan membuat binaan di atas kubur serta menangis dan meratap ketika berada di tanah perkuburan.

Menerusi kajian ini, penyelidik ingin menjelaskan mengenai hukum bagi amalan-amalan menziarahi kubur dari sudut syarak dan dari segi tinjauan maqasid syariah. Selain itu, penyelidik juga ingin mengkaji kefahaman dan pengetahuan masyarakat Islam di Terengganu dalam membezakan amalan menziarahi kubur yang dibenarkan dalam Islam dan juga sebaliknya. Akhir sekali, penyelidik turut menerangkan berkaitan dengan pendekatan yang sesuai dalam menyampaikan ilmu Maqasid Syariah sebagaimana contoh kajian isu ziarah kubur. Matlamat kajian ini adalah untuk menjelaskan kedudukan sebenar terhadap amalan menziarahi kubur agar segala kesamaran dan kekeliruan masyarakat dalam hukum-hakam dapat diatasi serta dapat membendung masyarakat daripada melakukan perkara kemungkaran.

PERNYATAAN MASALAH

Amalan menziarahi kubur merupakan amalan sunnah yang dianjurkan dalam Islam. Dalam Islam, ziarah kubur adalah salah satu saranan agar seorang Muslim selalu beriman dan mengingati kematian. Tujuan disyariatkan kembali amalan menziarahi kubur adalah untuk mengingatkan umat Islam bahawa kehidupan di dunia tidak kekal selamanya. Namun, masih ada segelintir masyarakat Islam yang mempertikaikan hukum menziarahi kubur sehingga pelbagai pihak mengemukakan pendapat masing-masing. Justeru itu, penyelidik menjalankan kajian ini untuk menghuraikan hukum sebenar amalan menziarahi kubur menurut perspektif syarak.

Dalam konteks yang sama, segelintir masyarakat Islam menjadikan amalan menziarahi kubur sebagai suatu kewajipan sehingga perbuatan ini melanggar garis panduan yang ditetapkan oleh syarak. Dalam pemerhatian penyelidik, terdapat golongan muslim yang melakukan amalan-amalan karut yang menjadi turun temurun dari nenek moyang menyebabkan timbulnya berbagai-bagai isu dalam bab menziarahi kubur. Amalan yang

dilakukan oleh mereka tidak disarankan dalam mana-mana ayat al-Quran, hadis Nabi SAW dan kitab-kitab agama Islam. Oleh itu, penyelidik menjalankan kajian ini untuk melihat isu-isu yang timbul yang bertentangan dengan syariat Islam dalam amalan menziarahi kubur di kalangan masyarakat Islam khususnya di Terengganu.

Tidak dapat disangkal lagi bahawa terdapat beberapa perbuatan yang dilakukan oleh masyarakat Islam yang bertentangan dengan ajaran Islam ketika menziarahi kubur. Hal ini demikian kerana, kurangnya pendedahan ilmu agama dan garis panduan mengenai amalan menziarahi kubur yang berlandaskan dengan syariat Islam terutama di kawasan pedalaman. Tambahan pula, masyarakat Islam dari golongan orang tua atau dewasa lebih terpengaruh dengan amalan dan adat turun temurun dari nenek moyang mereka. Jadi, penyelidik ingin mengetahui sejauh mana pemahaman masyarakat Islam kini yang sudah terdedah dengan kemajuan teknologi yang dapat membantu mereka untuk mengakses ilmu dengan lebih mendalam tentang amalan yang bertentangan dengan syarak dalam hal menziarahi kubur.

Bagi mencegah daripada amalan ketika menziarahi kubur bertentangan dengan syariat Islam, implikasi Maqasid Syariah penting diberi penekanan sesuai dengan situasi masyarakat sekarang di zaman kontemporari ini. Lantaran itu, antara permasalahan yang wujud sehingga kajian ini dilakukan salah satunya juga adalah untuk menyelidik sejauh mana keberkesanan implikasi Maqasid Syariah dalam amalan menziarahi kubur.

TINJAUAN LITERATUR

Kajian mengenai amalan menziarahi kubur banyak didapati di dalam buku-buku ilmiah di Perpustakaan Universiti Sultan Zainal Abidin Kampus Gong Badak dan Perpustakaan Awam Negeri Terengganu. Oleh itu, penyelidik telah merujuk beberapa buah buku mengenai amalan menziarahi perkuburan ini dengan lebih mendalam. Dalam kajian Dr Abdul Latif Asyur (1987) menyatakan dalam kajiannya yang bertajuk *Siksa Dan Nikmat Kubur Sebuah Peringatan Tentang Kematian* bahawa manusia ini sering melupakan tentang kematian. Persiapan untuk menghadapi kematian itu juga tidak ada dan disebabkan itulah sesetengah di kalangan manusia ini masih bersimpang siur. Penulis juga menekankan hukum yang berkait dengan urusan jenazah termasuklah perihal ziarah kubur.

Seterusnya, kajian Sheikh Abdullah Basmeih (1988) yang bertajuk Panduan Mengurus Jenazah menghuraikan tentang amalan pengurusan jenazah dan juga menziarahi kubur menurut pelbagai mazhab. Penulis juga menyatakan hukum-hukum tertentu mengikut mazhab-mazhab. Hal ini mampu menolong masyarakat membezakan hukum-hukum tertentu kerana tidak semua mazhab itu pendapatnya sama. Oleh itu, pendapat yang paling tepat hendaklah diguna pakai dalam kehidupan seharian.

Kajian Ali Chasan Umar (1983) yang bertajuk Alam Kubur (Barzakh) membincangkan tentang larangan-larangan yang tidak dibenarkan oleh manusia apabila menziarahi perkuburan. Penulis juga menyatakan pelbagai perihal karut yang dilakukan oleh manusia yang menyalahi sisi syariat Islam. Oleh itu, tujuan penulisan ini ditulis ialah penulis menyarankan agar masyarakat mengurangkan emosi dan taksuf apabila berada di kawasan perkuburan kerana ia mampu membawa kepada perkara bida'ah.

Kajian Dr Yusuf Qardhawy Muhammad Al-Ghazali (2004) pula menekankan tentang amalan-amalan bida'ah yang dilarang oleh agama kita iaitu Islam. Penulis yang menulis kitab Bi'dah dan Syirik ini menyatakan bahawa, perkara ini mampu membatalkan tauhid atau mengurangkan kesempurnaannya. Pengarang mencegah umat manusia khususnya Islam mengamalkan aktiviti bida'ah dan syirik di kawasan perkuburan. Oleh itu, pengarang meminta agar manusia menyemak semula tahap keimanan mereka sebelum memasuki kawasan perkuburan ini dan mengawal diri mereka agar tidak terlalu taksuf.

Selain itu, Abdul Latif Asyur (1981) di dalam kitabnya bertajuk Syurga dan Neraka di Alam Kubur menjelaskan tentang larangan Rasulullah SAW kepada kaum Muslimin daripada menziarahi kubur namun, baginda kemudian membenarkan kaum lelaki menziarahi perkuburan tetapi tidak bagi wanita. Pengharaman ini adalah disebabkan oleh dikhuatiri kaum wanita ini meraung dan meratapi pemergian jenazah dan mampu menimbulkan fitnah di kalangan masyarakat.

Imam al-Qurtubi (2015) dalam penulisannya bertajuk Rahsia Kematian Alam Akhirat dan Kiamat membahaskan tentang manfaat menziarahi kubur. Pelbagai manfaat yang boleh didapati antaranya ialah mampu membuang penyakit hati dengan cara menghadiri majlis taklim yang memberi pelajaran tentang hikmah mengingati mati.

Seterusnya, ia mampu mengingatkan manusia tentang kematian. Manusia itu dicipta untuk beribadat kepada Allah SWT dan tidak sombong kerana pengakhiran kita semua adalah sama iaitu menemui pencipta kita, Allah SWT. Penulis banyak menceritakan tentang kisah-kisah Nabi SAW serta keturunannya dan manfaat daripada menziarahi kubur. Kupasan oleh penulis begitu mendalam yang diperkuatkan lagi dengan dalil-dalil al-Quran dan al-Hadis beserta dengan pendapat ulama-ulama muktabar.

Kajian Syaikh Abdul Latif Musytaharty (2002) di dalam bukunya *Persediaan Menghadapi Mati* banyak membahaskan tentang persoalan-persoalan mengenai amalan ziarah kubur. Penulis juga banyak menjawab soalan-soalan yang banyak ditanya oleh masyarakat sendiri mengenai perihal yang sering dilakukan dan telah menjadi amalan turun-temurun oleh keturunan sendiri samada berkaitan dengan amalan bida'ah mahupun mengikut batas syariat Islam sendiri.

METODOLOGI KAJIAN

Dalam usaha menjalankan kajian ini, penyelidik menggunakan beberapa kaedah dalam mengumpul serta menganalisis maklumat-maklumat penting berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Secara umumnya, penyelidik menggunakan satu metod utama dalam proses pengumpulan data iaitu Metod Kepustakaan (*Library Research*). Melalui kaedah ini, data-data berasaskan penulisan serta dokumentasi bertulis akan dikumpul dan digunakan untuk membentuk landasan teori sama ada ia bersifat primer atau sekunder. Antara bahan yang dijadikan sebagai rujukan oleh penyelidik adalah kitab, buku, jurnal, tesis, disertasi, kertas seminar, artikel, bahan di laman sesawang dan sebagainya yang dinukilkan oleh para ilmuan sama ada dalam bahasa Melayu, Inggeris dan Arab yang kemudiannya dianalisis oleh penyelidik untuk menemui satu kesimpulan. Penyelidik menggunakan pendekatan ini kerana bahan-bahan yang berkaitan kebanyakannya terdapat di perpustakaan. Antara perpustakaan yang menjadi rujukan penyelidik dalam mendapatkan data dan maklumat berkaitan adalah Perpustakaan Universiti Sultan Zainal Abidin Kampus Gong Badak dan Perpustakaan Awam Negeri Terengganu.

ISU-ISU DAN PERBINCANGAN

Masyarakat Islam di Malaysia berkait rapat dengan amalan menziarahi kubur. Oleh itu, timbul beberapa isu dan masalah berpunca daripada kekeliruan pemahaman mereka

tentang amalan menziarahi kubur berlandaskan syariat Islam. Di zaman kontemporari ini, masih terdapat golongan masyarakat Islam yang tidak dapat membezakan antara amalan sunat dan amalan bida'ah. Antara isu yang diutarakan adalah perempuan yang didatangi haid menziarahi kubur, menghias dan membuat binaan atas kubur, ketetapan waktu menziarahi kubur serta menangis dan meratapi di tanah perkuburan. Sebahagian golongan masyarakat yang menolak amalan menziarahi kubur adalah kerana petikan Hadis Rasulullah SAW yang melarang kaum Muslimin dari menziarahi kubur sama ada kaum lelaki mahupun perempuan. Sesudah itu, baginda membenarkan kaum lelaki sahaja untuk menziarahi kubur. Kaum wanita tetap terlarang hingga sekarang dikhuatiri meraung dan menimbulkan fitnah. Diriwayatkan daripada Ibnu Buraidah, daripada ayahnya, katanya: Rasulullah SAW telah bersabda:

“Aku melarang kamu daripada menziarahi kubur tetapi kini telah diizinkan bagi Muhammad SAW untuk menziarahi kubur ibunya. Maka ziarahilah olehmu akan perkuburan kerana sesungguhnya ia mengingatkan kita akan Akhirat”.

(Riwayat Tirmizi)

Antara isu berbangkit yang sering kedengaran dalam kalangan masyarakat salah satunya adalah kunjungan wanita yang kedatangan haid ke tanah perkuburan. Terdapat masyarakat yang menganggap wanita yang sedang haid, dilarang ke kubur dan ada pula yang berpendapat wanita yang sedang haid dibolehkan menziarahi kubur berdasarkan beberapa iktilaf ulama. Selain itu, perbuatan menghias dan membuat binaan di atas kubur juga merupakan salah satu isu yang dibahasakan dalam kalangan masyarakat. Hal ini kerana, terdapat pelbagai jenis golongan masyarakat Islam dari segi taraf kedudukan, harta dan juga pangkat. Terdapat golongan masyarakat elit yang lebih berkemampuan berbanding orang biasa yang mungkin berhasrat untuk menghias kubur dan membuat binaan di atas kubur dengan perhiasan pilihan mereka.

Secara amnya, hukum membuat binaan di atas kubur adalah makruh. Namun secara lazimnya, masih ada masyarakat yang memandang perbuatan menghias dan membuat binaan di atas kubur secara pandangan yang tidak jelas. Syeikh Ali al-Sobuni dalam Sofwah al-Tafasir menyebut tafsir yang membawa maksud :

“Mereka itu yakni manusia terlalu sibuk dan berbangga dengan harta benda, anak-anak, dan para pengikut sehingga melupakan untuk berbuat taat kepada Allah dan meninggalkan persiapan akhirat, sehinggalah kematian tiba kepada mereka. Lalu mereka dikebumikan di dalam kubur-kubur.”

Seterusnya, antara isu berbangkit mengenai amalan menziarahi kubur adalah ketetapan waktu dalam menziarahi kubur. Sebagai contoh, ketetapan waktu menziarahi kubur pada hari raya di bulan syawal dan sebagainya. Amalan menziarahi kubur pada musim perayaan kini menjadi adat masyarakat Islam seluruh negeri di Malaysia. Matlamat menziarahi kubur itu sendiri hendaklah bertujuan mendapatkan pengajaran yang dapat memberi keinsafan kepada orang yang menziarahi kubur. Dalam Kitab Sohih Al-Bukhari dan Muslim, diceritakan bahawa ketika Rasulullah SAW lalu dikubur, baginda melihat seorang wanita sedang menangis di sisi kubur, maka Rasulullah SAW berkata kepadanya,

“Bertakwalah kamu kepada Allah SWT dan tetaplh bersabar.”

Dalam hadis dinyatakan peraturan membenarkan menziarahi kubur bagi lelaki dan perempuan. Hadis tersebut juga menjelaskan bahawa apabila seseorang memberi salam kepada orang Mukmin yang telah meninggal, maka salamnya pasti dibalas oleh orang yang telah meninggal tersebut, tidak dilarangnya wanita yang menangis di kubur. Seandainya menziarahi kubur dan menangis di kubur hukumnya haram bagi wanita, maka Nabi SAW pasti melarang wanita yang menziarahi kubur dengan muhrimnya dengan menggunakan kenderaan. Hadis yang mengandungi larangan bagi wanita untuk menziarahi kubur dan yang benar adalah menziarahi kubur dibenarkan bagi wanita kecuali wanita tersebut memakai perhiasan serta bercakap dengan orang yang bukan muhrimnya ketika sedang menziarahi kubur.

Menangis dengan tidak meratap dibenarkan ketika berada di kubur atau ketika seseorang yang ditangisi tersebut meninggal dunia. Tangisan seperti itu dinamakan tangisan kasih sayang atau tangisan kerana hiba, sebabnya tangisan tersebut ada pada

hampir semua manusia. Nabi SAW juga menangis ketika anaknya (Ibrahim) meninggal dunia. Umar berkata, *“Biarkan mereka menangisi Abu Salman selagi mereka tidak meronta-ronta atau menjerit-jerit”*. Ada yang memahaminya dengan meletakkan tanah di atas kepala. Secara umumnya, wanita adalah dimakruhkan daripada mengikuti jenazah ke perkuburan, sama ada dia berada dalam keadaan haid atau tidak. Hal ini berdasarkan al-Hadis daripada Ummu ‘Atiyah RA, katanya :

“Kami ditegah mengiringi jenazah namun ia bukanlah sebagai perintah kepada kami.”

(Riwayat al-Bukhari (1219) dan Muslim (938).)

Sebahagian ulama berpendapat hukumnya haram terutama mereka yang tidak dipertanggungjawabkan untuk mengurus jenazah. Hal ini berdasarkan hadis, daripada Ali RA, katanya :

“Ketika Rasulullah SAW keluar, tiba-tiba baginda bertemu beberapa orang orang perempuan yang sedang duduk. Baginda bertanya: Apakah yang menyebabkan kamu duduk? Mereka menjawab: Kami sedang menunggu jenazah. Baginda bertanya lagi: Adakah kamu akan memandikannya? Mereka menjawab: Tidak. Adakah kamu akan mengusungnya? Mereka menjawab: Tidak. Baginda seterusnya bertanya: Adakah kamu akan memasukkannya ke dalam kubur? Mereka menjawab: Tidak. Lalu Baginda bersabda: Baliklah. Kamu dalam keadaan bersalah tanpa mendapat ganjaran.”

(Riwayat Ibn Majah (1645))

Hadis tersebut menunjukkan bahawa mereka berdosa dan tidak mendapat ganjaran dengan perbuatan mereka mengiringi jenazah dan menghadiri pengebumian itu. (Rujuk *al-Fiqh al-Manhaji* (1/260).) Namun begitu, terdapat ulama yang mendaifkan hadis ini seperti Imam al-Nawawi, menjadikan hukumnya kekal sebagai makruh. (Rujuk *al-Majmu Syarh al-Muhazzab* (5/277).) Adapun wanita yang kematian suami, maka haram baginya untuk mengikuti jenazah suaminya ke kubur kerana mereka wajib

melaksanakan *'iddah* melainkan kerana hajat atau darurat. Hal ini berdasarkan hadis daripada Ummu 'Atiyyah al-Ansariyyah RA, katanya:

"Kami dilarang berkabung atas kematian seseorang melebihi tiga hari melainkan kematian suami yang dibenarkan berkabung selama empat bulan sepuluh hari. Kami tidak dibenarkan bercelak, berwangi-wangian dan memakai pakaian yang cantik, berseri melainkan 'asb (sejenis pakaian perempuan Arab). Ketika mandi setelah suci daripada haid, kami dibenarkan menggunakan sedikit minyak wangi. Kami juga dilarang untuk mengiringi jenazah."

(Riwayat al-Bukhari (307) dan Muslim (938).)

Wanita juga secara umumnya dilarang secara makruh untuk menziarahi kubur. Ini khususnya jika dikhuatiri wanita tersebut tidak dapat mengawal perasan lalu terjebak dalam perbuatan berdosa ketika di kubur seperti meratap dan mencarik-carik baju. Adapun jika diyakini wanita berkenaan akan melakukan dosa, maka hukum menziarahi kubur itu adalah haram bagi wanita itu. Hal ini berdasarkan hadis, daripada Abu Malik al-Asy'ari RA, Nabi SAW bersabda :

"Perempuan yang meratap dan tidak bertaubat sebelum dia mati, dia akan dibangunkan pada hari Kiamat dalam keadaan badannya penuh dengan kurap yang berminyak-minyak."

(Riwayat Muslim (935).)

Namun sekiranya wanita tersebut seorang yang diyakini kuat imannya dan aman daripada melakukan kesalahan yang menyalahi adab menziarahi kubur, maka hukum ziarah kubur bagi wanita sebegini adalah tidaklah haram. Ini berdasarkan hadis riwayat Anas bin Malik RA: Nabi SAW melalui seorang wanita yang sedang menangis di perkuburan. Lalu Baginda bersabda :

"Bertaqwalah kepada Allah dan bersabarlah."

(Riwayat al-Bukhari (1252) dan Muslim (926))

Masyarakat kini memandang serius terhadap amalan ini sehingga menjadikan amalan menziarahi kubur pada musim perayaan ini sebagai adat tradisi keluarga. Isu ini perlu diperjelaskan agar masyarakat mengetahui hukum dan matlamat sebenar menziarahi kubur. Sabda Rasulullah SAW dari hadis sahih :

“Dulu aku melarang kamu menziarahi kubur. Namun ziarahilah kubur, kerana ia mengingatkan kamu tentang mati.”

(Riwayat Muslim)

Sebenarnya, tiada waktu tetap untuk menziarahi kubur dan tidak ditetapkan oleh Rasulullah SAW. Ini membuktikan bahawa ia merupakan satu kelapangan dan sunnah serta bukanlah satu perkara fardhu. Kita boleh menziarahi kubur pada bila-bila masa.

KESIMPULAN

Hasil penelitian penyelidik tentang adab menziarahi kubur, ia merupakan satu amalan yang sering dilakukan oleh masyarakat Islam di Malaysia. Di sini jelaslah menunjukkan bahawa amalan menziarahi kubur tidak dilarang di dalam Islam malahan amat disarankan untuk menjaga kesejahteraan dan kemakmuran dalam kehidupan masyarakat.

Antara kepentingan yang dapat diambil daripada adab menziarahi kubur adalah dapat memupuk rasa keinsafan dan mengajak kita serta mengingatkan diri kepada akhirat. Keberkesanan ini turut dapat menggerakkan masyarakat agar bersegera kepada taubat, menguatkan diri agar dapat mendekati diri kepada Allah SWT, memperbaiki serta memperbanyakkan lagi amalan agar sentiasa mengingati Allah SWT dan memahami bahawa setiap manusia akan menghadap Allah SWT juga kelak secara tidak langsung menyatakan bahawa kehidupan di dunia hanyalah sementara sahaja.

Seterusnya, amalan menziarahi kubur dapat mengingatkan kita akan jasa kedua-dua ibu bapa dan orang yang telah pergi meninggalkan dunia. Sungguhpun begitu tidak dinafikan lagi bahawa doa dari anak yang soleh pahalanya dapat dialirkan kepada kedua-dua ibu bapa secara tidak langsung. Sebagaimana hadis Nabi SAW, daripada Abu Hurairah Radhiallahu ‘Anhu katanya, Rasulullah SAW telah bersabda :

“Jika anak Adam meninggal, maka amalnya terputus kecuali dari tiga perkara, sedekah jariyah (wakaf), ilmu yang bermanfaat, dan anak soleh yang berdoa kepadanya.”

(HR Muslim)

Di samping itu, amalan menziarahi kubur juga mampu menghilangkan rasa cinta manusia kepada perkara duniawi. Apabila timbul rasa keinsafan dalam diri, manusia cenderung untuk mengabdikan diri kepada Allah dan berusaha untuk memperbanyakkan amal soleh serta meningkatkan kualiti ibadah dan menghindarkan diri daripada melakukan perbuatan lagha.

Adab menziarahi kubur bukanlah hanya dilakukan semasa hari pengkebumian atau setiap kali menjelang hari raya sahaja. Yang menjadi sunnah ialah dengan menjadikan amalan menziarahi kubur itu sebagai suatu usaha orang yang hidup untuk mengingati orang yang telah mati. Seterusnya, ia dapat mengingatkan kita tentang kematian dan membuat persediaan dengan memperbanyakkan amal ibadat kerana setiap yang bernyawa pasti akan mati. Hanya amal soleh mengukur darjat kita disisi Allah SWT.

Diharapkan kajian ini dapat memberi jawapan kepada permasalahan-permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat setempat mengenai ziarah kubur supaya dapat bersama-sama menjaga adab apabila berada di perkuburan dan dapat diterapkan adab tersebut di dalam kehidupan. Oleh itu, penyelidik berharap agar kajian ini dapat menjadi rujukan kepada masyarakat supaya dapat mempertingkatkan lagi ilmu pengetahuan tentang penziarahan kubur yang berlandaskan dengan syariat Islam.

RUJUKAN

1. Al-Ghazali, D. Y. (2004). *Bid'ah Dan Syirik Perkara Yang Membatalkan Tauhid Atau Mengurangkan Kesempurnaannya*. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise.
2. Al-Qurtubi, I. (2015). *Rahsia Kematian Alam Akhirat Dan Kiamat*. Selangor: Al-Hidayah House Publishers SDN BHD.
3. Asyur, A. L. (n.d.). *Syurga Dan Neraka Di Alam Kubur*. Singapura : Pustaka Nasional PTE LTD.
4. Asyur, D. A. (1988). *Siksa Dan Nikmat Kubur Sebuah Peringatan Tentang Kematian*. Mesir: Husaini Bandung.
5. Basmeih, S. A. (1988). *Panduan Mengurus Jenazah*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.

6. Musytaharty, S. A. (n.d.). *Persediaan Menghadapi Mati*. Al-Hidayah Publications.
7. Musytahary, S. A. (1990). *Bekal Menghadapi Mati*. Kuala Lumpur: Pustaka Al-Mizan.
8. Nazam, A. H. (2010). *Minggu Pertama di Alam Kubur*. Kuala Lumpur: Yamani Angle Sdn. Bhd.
9. Noor, U. M. (8 Mac, 20018). *Irsyad Al-Fatwa Siri Ke-217*. Diperoleh pada 13 Oktober, 2019, daripada <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/2333-irsyad-al-fatwa-siri-ke-217>
10. Umar, M. C. (1983). *Alam Kubur (Barzakh) Digali Dari Al-Quran dan Hadits*.